

TERATAK ZA'BA MENGHARGAI JASA PENDETA, MEMARTABATKAN BAHASA DAN BANGSA

Teratak Za'ba ialah pustaka atau memorial yang menghimpunkan khazanah warisan Allahyarham Tan Sri (Dr.) Pendeta Haji Zainal Abidin Ahmad, atau dikenali sebagai Za'ba, di desa kelahirannya, Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Negeri Sembilan.



Pemandangan dari bahagian belakang Teratak Za'ba.

Perjalanan dari bandar raya Seremban ke memorial tersebut mengambil masa sejam, melalui Bukit Putus di Banjaran Titiwangsa di negeri beradab perpatih ini. Terdapat dua pilihan untuk merentas Bukit Putus ini; yang pertama, melalui jalan baharu yang luas dengan binaan jambatan kedua tertinggi di Malaysia setinggi 48 meter. Pilihan kedua pula melalui jalan lama yang berliku-liku dielus udara dingin bukit-bukau nan menghijau. Sepanjang perjalanan kita diraikan dengan kawasan kampung, sawah padi, gerai jualan itik salai, lemang panas, buah-buahan dan kraf tangan setempat.


Za'ba dilahirkan pada 16 September 1895. Sedari kecil beliau anak yang cerdas dan cergas, berani dan berdaya saing. Perasaan cinta yang amat mendalam akan bahasa, bangsa dan negara, memugar peribadi beliau sebagai seorang patriotik, pemikir dan pencetus gagasan besar dan berwawasan futuristik.

Za'ba diiktiraf sebagai pengasas paling dinamik dalam perkembangan pengajian dan persuratan Melayu dan pemertabatan keintelektualan Melayu. Tokoh ulung cendekiawan berwibawa yang beriltizam dan istiqamah ini dianugerahkan gelaran Pendeta dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya pada tahun 1956, Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Persuratan) oleh Universiti Malaya pada tahun 1959 dan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada 23 Jun 1973.

Beliau, yang juga pendidik, pengarang dan penterjemah ini, menulis dalam bidang agama, pendidikan, ekonomi, bahasa, sastera dan politik. Karya beliau ialah buku bahasa, buku teks dan bacaan sekolah, puisi tradisional dan moden, esei dan karya terjemahan. Karangan dan esei beliau tersiar dalam *Utusan Melayu*, *Lembaga Melayu*, *Al-Ikhwān*, *Majalah Guru*, *Warta Malaya*, *Qalam*, *Pengasoh*, *Majlis*, *Saudara*, *Bukan Melayu dan Fajar Asia*. Penulisan beliau dalam bahasa Inggeris pula tersiar dalam *The Malay Mail*, *Journal of the Singapore Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS)*, *The Muslim* (Singapore) dan *Asian Horizon* (London).

Antara karya tersohor beliau ialah *Ilmu Bahasa Melayu 1 dan 2* (1926), *Rahsia Ejaan Jawi* (1929), *Falsafah Takdir* (1932), *Ilmu Mengarang Melayu* (1934), *Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi* (1941) Yang terpenting, *Pelita Bahasa Melayu I* (1940), *Pelita Bahasa Melayu II* (1946) dan *Pelita Bahasa Melayu III* (1949).

Idea untuk menghimpunkan khazanah Za'ba dicetuskan oleh Allahyarham Dato Seri Utama Tan Sri A. Samad Idris, Pengerusi Lembaga Muzium (LMNS), pada awal 1990-an. Bersempena dengan seabad kelahiran Pendeta Za'ba pada tahun 1995, perbincangan serius dilanjutkan. Hasil daripada perbincangan tersebut, pada



Mesin taip "Royal" kepunyaan Za'ba.

5 Februari 2001, Teratak Za'ba dirasmikan oleh Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan, pada ketika itu.

Antara objektif penubuhan Teratak Za'ba termasuklah untuk; menghargai jasa dan sumbangan Za'ba dalam bidang agama, bahasa, sastera, sosiobudaya, politik dan pendidikan; menghasilkan produk pelancongan berunsur pendidikan yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan berkongsi ketokohan serta koleksi peribadi seorang patriotik yang menjadi suri teladan bangsa.

Mengimbau sebuah kisah kecil dalam satu daripada mesyuarat di LMNS itu, selaku Ahli Jawatankuasa Penyelidikan, penulis ini tidak bersetuju akan penggunaan "Teratak Za'ba" yang disarankan oleh Pengerusi. Bagi penulis ini, jasa dan sumbangan Pendeta Za'ba amat berharga. Sewajarnya memorial itu dinamakan "Gedung Za'ba" atau "Pustaka Za'ba" atau "Istana Pendeta". Walau bagaimanapun, cadangan tersebut meleset. Pada masa itu, sememangnya penulis ini berasa terkilan sedikit. Namun begitu, setelah siapnya penubuhan Teratak Za'ba, barulah penulis ini dapat mengaitkan jasa Pendeta Za'ba dengan akar umbi tradisi bangsa.

Seni Pertukangan dan Roh Patriotisme

Teratak Za'ba bukan sekadar gedung menyimpan khazanah untuk dimanfaatkan oleh orang ramai. Bangunan kayu yang bercirikan rumah tradisional Negeri Sembilan ini diperbuat daripada kayu cengal atau penak. Seni pertukangan Melayu dipelihara dengan rapi. Bahagian tupai-tupai, tabir layar, anjung serambi, pelantar dan kisi-kisi menyerlahkan keunikan seni bina tradisi.

Terdapat tiga anjung di memorial yang menelan belanja RM630 ribu. Pelbagai ruang dijadikan khas untuk pameran sejarah kehidupan, pakaian dan barang milik peribadi, barangan kegunaan Za'ba, seperti mesin taip, perpustakaan dan ruang bahan multimedia.

Percikan Rasa Cinta


Pendeta Za'ba sesungguhnya memercikkan rasa cinta akan bahasa dan persuratan yang amat ampuh ke dalam atma penulis ini. Kecintaan ini terzhahir melalui beberapa kegiatan yang dijalankan oleh penulis ini. Antaranya termasuklah puisi "Za'ba Pendeta Bangsa" dideklamasikan ketika Majlis Perasmian Sekolah Menengah Pendeta Za'ba, Taman Paroi Jaya, Seremban pada 8 April 2000. Selaku AJK PIBG, penulis ini yang mencadangkan nama baharu Sekolah Menengah Taman Paroi Jaya ini. Selain itu, penulis turut mencipta lirik "Pendeta Za'ba" untuk lagu khas bersempena dengan Perasmian Teratak Za'ba" pada 5 Februari 2001.

Di samping itu, penulis ini turut terlibat sebagai penyelenggara bersama-sama Agus Salim bagi antologi karya Persatuan Penulis Negeri Sembilan iaitu *Gema Serunai Hati 6: Memori Pendeta Za'ba* terbitan Koperasi PEN pada tahun 2003, bersempena dengan Majlis Perasmian Jasamu Dikenang.

Penulis ini turut menghasilkan puisi "Za'ba Pendeta Bangsa", "Za'ba Lentera Cendekia", "Ketika itu, Za'ba", "Gurindam Peribadi Pendeta I", "Gurindam Peribadi Pendeta II" dalam kumpulan puisi *Mengutip Manik Waktu yang Masih Tersisa* pada tahun 2006 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka; dan bersama-sama Persatuan Penulis Negeri Sembilan mengendalikan aneka kegiatan pengisian program Jasamu Dikenang, Titipan Za'ba dan yang berkaitan, seperti bengkel bahasa, bengkel penghasilan puisi patriotik, bengkel deklamasi puisi, deklamasi puisi patriotik dan forum.



Teratak Za'ba merupakan satu daripada produk pelancongan pendidikan yang terdapat di Negeri Sembilan.

Demi melahirkan bangsa Malaysia yang cakna dan bersemangat patriotik, Teratak Za'ba berpotensi sebagai produk pelancongan pendidikan yang berupaya mengangkat nama negara di mata dunia. Usaha pemartabatan produk setempat ini menagih usaha sama daripada pelbagai pihak di peringkat negeri dan kebangsaan. Za'ba tokoh negara. Za'ba milik kita bersama. Za'ba menginspirasi kita. 



TERATAK ZA'BA
KAMPONG BUKIT KERDAS
72200 BATU KIKIR